



KONSEPTUALISASI STRATEGI DAN PELAKSANAAN IKLIM DINI DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA

Raihan Mohd Arifin¹, Kamarul Shukri Mat Teh², & Norfazila Ghazali³

1,2,3 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

Article Info

Received:
05 August 2019

Accepted:
10 September 2019

Publish
16 September 2019

E-mail adress:

*corresponding Author:
*raifad5566@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Pembentukan jati diri seseorang pelajar amat berkait rapat dengan perkembangan iklim di sekolah. Perkembangan iklim yang baik di sekolah bermula dengan perancangan strategi dan pelaksanaan yang teratur dan bersistematik. Kedua-dua perkara ini merupakan asas yang penting dalam pembentukan iklim dini di Sekolah Menengah Agama. Oleh itu, satu konsep iklim dini yang jelas harus diketengahkan untuk mengupas segala perancangan strategi dan juga pelaksanaan demi menghasilkan pelajar yang seimbang dari aspek akademik mahupun sahsiah. Kajian ini bertujuan untuk meninjau bagaimana strategi dan pelaksanaan iklim dini di Sekolah Menengah Agama berperanan dalam membentuk sahsiah dan jati diri pelajar dengan acuannya yang tersendiri. Justeru, satu kajian literatur berdasarkan kajian-kajian lepas telah dilakukan. Hasilnya, terbentuk satu konsep strategi dan pelaksanaan iklim dini berdasarkan gabungan dari perspektif positivisme dan perspektif Islam. Implikasi kajian ini diharap dapat digunakan bukan hanya di sekolah agama, malah dapat dipraktikkan oleh semua jenis sekolah di Malaysia seterusnya boleh dijadikan sebagai asas panduan pembudayaan iklim dini.

Kata Kunci: Iklim Dini, Strategi, Pelaksanaan, Sekolah Menengah Agama.

Pengenalan

Antara perancangan strategi yang telah dikemukakan dalam kitab mukadimah oleh Ibn Khaldun (1993) ialah aktiviti dan amali. Manakala dari aspek pelaksanaannya pula melibatkan kepimpinan warga sekolah dan juga hubungan dengan komuniti di sekolah. Kedua-dua aspek strategi dan pelaksanaan ini amat penting dan saling berkait dalam membentuk iklim dini di sekolah. Strategi

dan pelaksanaan juga merupakan dua variabel yang jarang sekali dikaji secara serentak untuk melihat pengaruh kedua-duanya ke atas kemenjadian pelajar di Sekolah Menengah Agama. Jika ada pun hanya melihat kepada salah satu item iaitu akademik (MacNeil, Prater, & Busch 2009; Salasiah Hanin, Ermy Azziaty, Rosmawati, 2012) atau sahsiah (Badrulzaman, 2006; Lukman, 2014; Norhisham, 2015; Zakaria, Munawar, 2012) dan jarang sekali melihat kepada aspek kokurikulum, apatah lagi untuk melihat secara keseluruhan secara seimbang selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Topik iklim sekolah bukanlah sesuatu yang baru dikaji, ia telah menjadi penyelidikan hangat oleh pengkaji barat sejak berdekad dahulu. Iklim sekolah telah dikaji dengan meluas untuk mengenal pasti kesannya kepada persekitaran sekolah yang mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pembelajaran dan tingkah laku pelajar (Dellar, 1999; Gu Saw Lan, 2014; Wang & Degol, 2016). Terdapat lebih 100 rujukan berkaitan iklim sekolah atau '*School Climate*' yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji Barat, namun apabila diteliti dengan lebih terperinci masih kurang terdapat kajian yang berkaitan iklim sekolah apatah lagi iklim dini atau dikenali juga dengan persekitaran Islam dalam kalangan pelajar- pelajar sekolah agama di Malaysia.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian empirikal tentang iklim sekolah hanya tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata (MacNeil, Prater & Busch, 2009; Maxwell & Ross Thomas, 1991). Tidak banyak kajian yang membincangkan bentuk strategi yang perlu dilaksanakan secara serentak serta membincangkan secara terperinci berkaitan aktiviti yang perlu dijalankan serta sesuai untuk diguna pakai oleh semua sekolah. Pada asalnya, iklim sekolah tidak mempunyai garis panduan yang tetap dan sama untuk setiap sekolah. Ia sebenarnya terpulang kepada pengetua dan pentadbir sekolah masing-masing untuk membina serta membuat perancangan terhadap iklim sekolah selaras dengan matlamat dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain itu, terdapat juga dalam kajian-kajian Barat yang telah memperincikan hubungan iklim sekolah dengan pencapaian akademik pelajar dari sudut amalan Barat (Bear, Yang, Pell, & Gaskins, 2014; Cohen, McCabe, & Michelli, 2009; MacNeil et al., 2009) namun begitu, masih lagi kurang terdapat kajian-kajian Islam dalam bentuk penghayatan dan pengamalan aktiviti kerohanian Islam yang dikaitkan dengan strategi yang diguna pakai dan cara pelaksanaan iklim sekolah yang bersistematik dan berpandu serta melihat kepada keseluruhan aspek dalam membentuk kemenjadian pelajar. Justeru, kajian ini perlu dijalankan dengan lebih terperinci dan mendalam dengan gabungan kedua-dua pengkaji Islam dan barat untuk mendapatkan satu garis panduan yang lengkap dan jelas untuk di guna pakai sesuai dengan iklim di Sekolah Menengah Agama.

Definisi Iklim Dini

Terdapat pelbagai definisi berkaitan iklim telah ditakrifkan dengan pelbagai pandangan oleh pengkaji barat. Antaranya iklim telah ditakrifkan sebagai kesan subjektif dari sistem formal, gaya pengurus tidak formal dan faktor persekitaran yang lain yang memberi kesan penting kepada sikap, kepercayaan, nilai dan motivasi orang yang belajar dan bekerja dalam organisasi tertentu (Litwin & Stringer, 1968; George & bishop, 1971); keperibadian sesebuah organisasi (Halpin, 1967); suasana persekitaran sekolah, termasuk kompleks campuran norma, nilai, dan prosedur yang mempengaruhi corak tingkah laku individu dan kumpulan (Spencer, Pelote & Seymour, 1998); persepsi umum yang digunakan oleh orang ramai untuk memikirkan dan menerangkan organisasi di mana mereka bekerja (Hall, Bowen, Lewicki & Hall 1982); persepsi pelajar tentang peristiwa, amalan, tatacara dan tingkah laku yang dihargai, disokong dalam

persekitaran yang sedia ada (Schneider, Wheeler & Cox, 1992; Garret, 1990). Berdasarkan takrifan oleh pengkaji terdahulu, dapat disimpulkan bahawa iklim merupakan sifat, keadaan atau suasana di sekolah yang terbentuk hasil daripada interaksi antara guru dengan pelajar serta masyarakat yang terdapat di sekitar itu secara keseluruhannya.

Dalam konteks kajian ini, iklim dini pula bermaksud persekitaran dan cara hidup Islam yang wujud dalam persekitaran sekolah. Iklim dini melibatkan amalan dan kebiasaan seseorang individu atau masyarakat setempat yang mengamalkan serta mempraktikkan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian komuniti berkenaan, terutamanya dalam menghayati ajaran akhlak mulia dengan suasana fizikal yang bersih, ceria dan menyenangkan keseluruhan warganya (Mahi Din, 1998; Norhisham, 2015; Raihan & Hakim, 2016). Sebagai contoh, pelajar sentiasa mengamalkan solat berjemaah di awal waktu, sentiasa berpuasa sunat, memulakan pengajian dengan doa dan zikir, serta mengamalkan bacaan al-Quran setiap waktu. Aktiviti-aktiviti ini lama kelamaan akan menjadi rutin dalam kehidupan para pelajar.

Setiap sekolah mempunyai iklim yang berbeza. Selain dari aktiviti yang dijalankan, ia juga bergantung kepada banyak aspek iaitu cara komunikasi, kepimpinan, hubungan antara satu sama lain dalam komuniti sekolah, strategi pengajaran yang digunakan, penghayatan dan pengamalan yang diterapkan dalam mentarbiahkan para pelajar supaya menjadi sehati dalam diri para pelajar. Hal ini secara tidak langsung akan membentuk perwatakan seseorang pelajar serta membentuk iklim dan budaya sesebuah sekolah.

Strategi

Strategi merupakan satu pendekatan secara keseluruhan yang berkaitan dengan pelaksanaan. Berdasarkan pandangan Ibnu Khaldun (1993) dalam buku mukadimah ada menyatakan bahawa antara strategi persekitaran yang baik adalah bergantung kepada aktiviti yang dilaksanakan serta amali yang menjadi pengamalannya dalam rutin seharian.

Strategi Aktiviti

Aktiviti memainkan peranan penting dalam membentuk suasana pembelajaran di sekolah. Para pelajar akan merasa lebih selesa dan berkeyakinan dengan menjalankan aktiviti yang mereka suka. Antara aktiviti yang boleh di adakan ialah solat berjemaah, usrah, qiamullai, riadah ilmiah, kem pemantapan akhlak dan sebagainya. Aktiviti atau program yang diadakan untuk para pelajar ini dapat membantu perkembangan sosial serta memberi pengaruh yang positif kepada keperibadian dan kerohanian pelajar (Warren, 1967). Aktiviti-aktiviti ini dijalankan secara rutin harian, mingguan, dan bulanan supaya dapat menyuburkan kemahiran dalam kalangan pelajar walaupun hal ini tidak dikira sebagai satu *manhaj*.

Berdasarkan pandangan Ibn Khaldun (1993) aktiviti atau program merupakan satu keperluan untuk menyuburkan kemahiran yang ada dalam kalangan pelajar. Secara tidak langsung, aktiviti yang dijalankan ini dapat membentuk sifat berdikari, bekerjasama dengan orang lain, berkemampuan untuk bertindak dan menangani permasalahan hidup yang dihadapi. Hasil daripada aktiviti ini akan dapat melahirkan pelajar yang berkebolehan, mampu berdikari serta berakhlak mulia. Selain itu, Paul B. Horton (1964) juga menjelaskan bahawa kegiatan atau aktiviti di sekolah yang sentiasa dipenuhi oleh interaksi sosial, komunikasi dan kerjasama antara ahli-ahli akan membantu pembentukan personaliti para pelajar dalam satu organisasi sekolah tersebut.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim (2010) juga menyokong kepentingan dilaksanakan aktiviti keagamaan di sekolah. Kajian beliau mendapati ramai pelajar bersetuju dengan aktiviti-aktiviti surau sekolah yang telah berjaya membentuk semangat setia kawan sesama pelajar. Ini bermakna aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berjaya mewujudkan satu suasana interaksi sosial yang positif dalam kalangan pelajar. Kajian oleh Norhisyam (2015) juga mendapati bahawa aktiviti atau program keagamaan sememangnya mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar di sekolah agama. Ini menunjukkan pembentukan sahsiah pelajar lebih banyak dipengaruhi oleh persekitaran sekolah yang positif. Penglibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah akan dapat memberi pengisian dan penyuburan jiwa dengan nilai-nilai agama yang lebih mendalam di samping dapat memantapkan kefahaman Islam dengan lebih jelas.

Jelas bahawa strategi aktiviti berperanan penting dalam mewujudkan iklim dini di sekolah. Setiap aktiviti yang dijalankan perlu dirancang dengan teliti supaya matlamat yang dirancang tercapai dan dapat menghasilkan satu natijah yang baik untuk pelajar dalam membentuk akhlak yang mulia.

Strategi Amali

Amali merupakan tingkah laku, perilaku atau perbuatan yang akan memberi kesan kepada pembentukan akhlak pelajar. Dalam konteks kajian ini, setiap perbuatan yang diamalkan oleh pelajar di dalam sekolah sama ada perbuatan tersebut merupakan perkara yang wajib ataupun sunat dilakukan, mestilah dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan seharian. Dengan itu, penerapan dalam melakukan perbuatan terpuji dan menjauhi perkara yang dilarang akan sentiasa kuat dalam ingatan seseorang pelajar. Secara tidak langsung, mereka dapat membezakan mana yang baik untuk dilakukan dan mana yang buruk untuk ditinggalkan.

Manhaj al-Quran telah menetapkan bahawa ilmu yang diperoleh melalui proses *ta'lim* perlu dilaksanakan dalam bentuk amalan. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran seseorang akan sampai ke tahap kefahaman yang mantap dan jitu sebaik sahaja ilmu yang diperoleh melaluinya dilaksanakan dalam bentuk amalan (Janzarli, 1991). Selain itu, prinsip amalan ini juga merupakan satu proses pendidikan yang diterajui oleh Rasulullah SAW seperti yang diceritakan oleh Ibn Masu'd:

Apabila seseorang pemuda daripada kami mempelajari sepuluh ayat al-Quran, dia tidak akan beralih kepada ayat seterusnya melainkan setelah dia mengetahui makna ayat tersebut serta mengamalkannya.

Teori Ibn Khaldun (1993) amat menitik beratkan strategi amali kerana perilaku atau perbuatan persekitaran sekeliling akan memberi kesan kepada perwatakan dan pembentukan akhlak para pelajar. Selain perbuatan, peristiwa yang berlaku di sekeliling pelajar juga akan mempengaruhi *amali* mereka. Sekiranya mereka berada dalam situasi yang baik, secara tidak langsung pelajar juga akan mencontohi *amali* yang baik tersebut dan begitulah sebaliknya. Walau bagaimana pun, proses mentarbiahkan pelajar untuk menjadikan akhlak yang baik memerlukan usaha yang berterusan serta membuat latihan amali supaya dapat membiasakan diri dengan sifat-sifat yang terpuji dan menjauhi segala sifat yang terkeji (Ghazali Darussalam, 1997).

Justeru, untuk mengenal keaiban diri ialah dengan sentiasa bermuhasabah dan membuat refleksi diri untuk menyemak kembali apa yang telah dibuat sepanjang hari serta mengamalkan amalan-amalan harian seperti berzikir, membaca al-Quran dan memahami pengertiannya, qiamullail dan sebagainya. Amalan-amalan ini merupakan salah satu cara untuk mencapai akhlak

yang baik (Azhar, 2006). Semua perbuatan dan tingkah laku dalam Islam dijadikan sebagai amalan harian mengikut prosedur-prosedur tertentu yang perlu dipatuhi oleh setiap umatnya. Prosedur ini bukan bertujuan untuk menyusahkan umat Islam tetapi sebagai jaminan ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Proses pendidikan berlaku dengan cara membiasakan anak membuat nilai-nilai dan norma-norma yang baik dalam suatu jangka waktu yang lama sehingga dia biasa melakukan perbuatan-perbuatan yang baik. Ketekunan melaksanakan suruhan amalan agama juga akan menyumbang kepada peningkatan akhlak sebagai contoh mudah ialah pelaksanaan amalan solat (Hairudin Amin, 2011) sebagai mana firman Allah S.W.T dalam surah al-Ankabut 29: 45:

أَتَىٰ مَا أُوحِيَٰ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ٤٥

Yang bermaksud: Bacalah serta ikutilah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepada mu dari Al-Quran dan dirikan lah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Berdasarkan kepada pandangan tokoh-tokoh pendidikan di atas membuktikan bahawa sesuatu amalan (perbuatan) dalam masyarakat mempengaruhi kehidupan golongan mudanya. Justeru dalam konteks pendidikan khususnya di sekolah setiap amalan (perbuatan) baik yang dilakukan oleh warganya akan menjadi ikutan yang membawa kepada penghayatan dan pengamalan akhlak mulia yang dikehendaki oleh syariat.

Pelaksanaan

Pelaksanaan merupakan usaha yang dilaksanakan demi mewujudkan iklim dini di sekolah menengah agama. Pelaksanaan ini direncanakan atau dirumuskan secara teratur demi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Pelaksanaan iklim dini bukan hanya menumpukan kepada aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah seperti persekitaran fizikal, budaya dan amalan harian pelajar serta warga sekolah, malahan turut melihat dari sudut kepimpinan, dan juga hubungan dengan komuniti sekolah masing-masing yang merangkumi seluruh aspek kehidupan.

Kepimpinan

Sekolah merupakan institusi sosial (Getzels & Guba, 1970). Dalam organisasi sekolah terdiri daripada pelajar, guru, pentadbir, dan pelbagai jenis kakitangan perkhidmatan. Setiap ahli kumpulan ini mempunyai perwatakan dan cara berfikir yang berbeza. Jika hubungan antara organisasi ini dapat difahami dan diterima secara umum antara satu sama lain, membolehkan organisasi iklim sekolah juga berfungsi dengan berkesan (Campell, Corbally & Nystrand, 1983). Sekolah juga merupakan organisasi hierarki. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan hierarki yang tertinggi, diikuti oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pengetua, guru dan pelajar. Hierarki hubungan ini berfungsi sebagai asas untuk memperuntukkan serta mengintegrasikan peranan kakitangan dalam mencapai visi dan misi sekolah.

Secara operasinya, organisasi pendidikan ini merupakan proses interaksi antara satu sama dengan individu di sekolah (Sergiovanni & Starratt, 1988). Setiap organisasi pendidikan mempunyai iklim yang berbeza serta pengaruh tingkah laku yang berbeza oleh setiap sekolah

(Sergiovanni & Starratt, 1988). Oleh itu, keberkesanan sekolah adalah bermula dengan kekuatan kepimpinan, iklim sekolah yang baik dan komunikasi berkesan (Kelly & Robert, 2005). Kepimpinan amat berkait rapat dengan iklim dini di sekolah. Peranan kepimpinan yang kuat dan jelas amat mempengaruhi tingkah laku warganya dari aspek matlamat yang jelas, perancangan strategi dan pelaksanaan, serta penilaian tentang sesuatu perkara.

Kepimpinan amat berkait dengan program atau aktiviti yang dilakukan di sekolah, tanggungjawab guru terhadap pelajar, serta hubungan antara komuniti sekolah. Setiap sekolah mempunyai visi dan misi yang berbeza bergantung kepada kepimpinan sekolah tersebut. Peranan utama pemimpin adalah menentukan misi, visi dan inspirasi serta matlamat yang hendak dicapai. Menurut Everard & Morris (1990), James & Balasandran (2012) kajian di sekolah-sekolah berkesan dari aspek pelaksanaan tugas menunjukkan bahawa sekolah itu mempunyai misi yang didefinisikan dengan jelas. Oleh yang demikian, misi dan visi sekolah harus jelas serta menjurus kepada perkara-perkara yang berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran pelajarannya untuk menentukan tujuan dan pegangan yang menjadi panduan kepada segala aspek tindakan dan aktiviti warga organisasi itu. Oleh itu, elemen kepimpinan, pembelajaran kurikulum yang baik serta sikap komuniti secara tidak langsung menentukan pencapaian akademik mahupun sahsiah pelajar.

Hubungan dengan Komuniti

Hubungan dengan Komuniti boleh didefinisikan sebagai kualiti hubungan antara anggota sekolah (guru, pelajar, pentadbir, dan staf) yang mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku dan pencapaian pelajar. Hubungan antara pelajar dan guru mereka mempengaruhi hubungan mereka di dalam kelas, harga diri, dan gred. Aspek masyarakat iklim sekolah merujuk kepada kualiti hubungan di dalam sekolah. Ia juga termasuk jaringan sekolah, menghormati antara satu sama lain, dan perkongsian dengan anggota masyarakat lain (Ming & Degol, 2016).

Pembentukan iklim sekolah menitik beratkan tingkah laku masyarakat di sekeliling. Ibn Khaldun (1993) menitikberatkan amali iaitu tingkah laku bermasyarakat kerana perilaku atau perbuatan masyarakat akan memberi kesan kepada pembentukan akhlak para pelajar. Peristiwa yang berlaku di sekeliling pelajar akan mempengaruhi tingkah laku amali mereka. Sekiranya mereka berada dalam situasi yang baik, maka pelajar lain juga akan mencontohi amali yang baik tersebut dan begitulah sebaliknya.

Secara rumusannya, komuniti merupakan persekitaran individu yang tinggal di sesuatu tempat dan saling berinteraksi antara satu sama lain yang melibatkan hubungan kerjasama antara manusia, yang memungkinkan berlakunya perubahan tingkah laku. Persekitaran ini melibatkan unsur kerjasama, bantu-membantu, perkongsian idea, dan perasaan saling berkasih sayang antara satu sama lain.

Konsep Iklim Dari Perspektif Positivisme

Sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini, para penyelidik dan pendidik telah banyak membincangkan berkaitan iklim sekolah dan kesannya kepada pelajar. Menurut Cohen et al. (2009) iklim sekolah merujuk kepada kualiti dan ciri kehidupan sekolah, yang biasanya merangkumi norma, nilai, hubungan interpersonal, amalan pengajaran yang berlaku di sekolah dan struktur organisasi. Manakala Howard, Howell & Brainard (1987) mendefinisikan iklim sekolah sebagai suasana pembelajaran, termasuk perasaan seseorang tentang sekolah. Freiberg

dan Stein (1999) pula telah mendefinisikan iklim sekolah sebagai hati dan jiwa sekolah. Dalam kajian ini, istilah 'iklim sekolah' merujuk kepada kehidupan dalam persekitaran sekolah, yang merangkumi segala sesuatu yang berlaku dalam kawasan sekolah. Oleh kerana iklim sekolah memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi pelajar, guru dan sekolah lain peribadi, ia menjadi topik minat para penyelidik. Beberapa kajian telah dijalankan sehingga kini hubungan antara iklim sekolah dengan pencapaian akademik. Sebagai contoh: Hoy & Sabo (1998) dan Freiberg & Stein (1999) dalam kajian mereka mendapati hubungan positif antara iklim sekolah dengan pencapaian akademik.

Selain itu, Dwivedi (2005) mendapati bahawa pelajar mempunyai sikap positif terhadap persekitaran sekolah mempunyai ketara pencapaian akademik yang lebih baik daripada pelajar yang mempunyai sikap yang lemah terhadap persekitaran sekolah. Kemudian Hoy & Miskel (2001) pula turut menyokong penemuan tersebut. Para pengkaji barat lebih lima dekad telah mengkaji serta memberi definisi yang berbeza berkaitan iklim sekolah. Halpin & Croft (1963) yang merupakan perintis dalam kajian iklim sekolah mengatakan iklim sekolah sebagai apa yang dirasakan sebagai personaliti seseorang individu sendiri. Iklim sekolah disimpulkan sebagai sesuatu yang unik yang dapat dirasai oleh ahli-ahli di dalam organisasi serta pelawat yang melawat sekolah tersebut, yang termasuk tingkah laku para. Bagi Katz dan Kahn (1966) pula menyatakan iklim merupakan nilai dan norma yang terdapat dalam sistem formal dan diinterpretasikan semula dalam sistem tidak formal manakala Strivens (1985) pula melihat iklim sebagai suasana dalaman sekolah itu. Ia melibatkan keadaan warga sekolah tersebut yang dalam keadaan riang dan mesra ataupun tidak peduli antara satu sama lain, perhubungan antara warga sekolah dan persekitarannya tidak menyenangkan.

Pendapat ini telah disokong oleh Sergiovani (1971) yang melihatnya sebagai satu ciri yang memberi gambaran mengenai sesebuah sekolah dan yang membezakannya dengan sekolah yang lain. Ia mempengaruhi tingkah laku guru dan pelajar dan anggota-anggota lain di dalamnya dan juga dapat dirasai, iaitu apa yang dirasai guru-guru dan pelajar-pelajar mengenai sekolah tersebut. Ibrahim Mamat (1998) pula mendefinisikan iklim sekolah sebagai sifat dan suasana yang terdapat dalam sesebuah sekolah yang membezakannya dengan sekolah yang lain. Sifat ini adalah hasil dari interaksi dan keadaan perhubungan manusia dalam sekolah itu, perhubungan guru dengan guru, guru dengan pengetua, guru dengan pelajar, pelajar dengan pelajar dan seterusnya.

Selain itu, Hoy dan Miskel (2001) pula telah mendefinisikan iklim ialah hasil daripada tindakan kumpulan-kumpulan tertentu dalam sistem persekolahan seperti pelajar-pelajar, guru-guru dan pentadbir yang saling bertindak untuk mengimbangi kehendak individu dan organisasi dalam sistem sosial. Ini merangkumi aspek-aspek seperti berkongsi nilai, kepercayaan dan ukuran sosial.

Konsep Iklim Dini Dari Perspektif Islam

Pendidikan merupakan proses untuk memupuk serta mendidik sesuatu dalam kehidupan manusia ke arah yang lebih baik. proses pentarbiahan ini melibatkan metode dan sistem yang mana merujuk kepada proses yang disampaikan secara beransur-ansur. proses ini berkaitan apa isi kandungannya yang ingin di pupuk dalam diri manusia tersebut (al-Attas, 1977).

Perbincangan dan perbincangan tentang iklim telah berlaku sekian lama. Perbincangan tersebut bukan sahaja berlaku dalam kalangan sarjana barat, malah Islam dan para sarjana

Muslim sejak sekian lama telah memberi penekanan tentang iklim. Dalam ajaran Islam, iklim sangat dititikberatkan. Pelbagai konsep hidup dan bersosial diperkenalkan seperti hidup bersatu padu, berkasih sayang, bertegur sapa, berbincang, bergotong royong dan sebagainya. Semua ini dikira sebagai ibadah dan apabila dilaksanakan dengan ikhlas akan memperoleh pahala di sisi Allah.

Ibn Khaldun (1993) sangat menitikberatkan peranan iklim bagi pembentukan akhlak yang baik. Menurut Ibn Khaldun, iklim yang baik perlu bagi menghasilkan akhlak yang baik dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor iklim yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia. Ini kerana manusia berbeza berdasarkan iklim di mana dia berada (al-Na'imi, 1994). Sesiapa yang berada dalam iklim yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya. Malah, Imam al-Ghazali juga memberi penekanan yang utama terhadap faktor iklim bagi membentuk sahsiah mulia dalam diri seseorang melalui kaedah pemerhatian dan pergaulan. Menurut al-Ghazali, manusia secara fitrah bersifat meniru di mana seseorang itu boleh memperoleh kedua-dua sifat baik dan buruk daripada keadaan seorang yang lain. Jika seseorang itu bergaul dengan seorang yang soleh di dalam tempoh tertentu, dia akan memperoleh dalam dirinya sesuatu kebaikan daripada orang tersebut dan secara tidak disedari banyak mempelajari sesuatu daripadanya.

Antara perkara yang Islam berusaha tegakkan adalah iklim atau suasana yang solehah. Ia disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-iklim al-solehah*. Kewujudan persekitaran yang soleh atau baik dan takwa akan mempengaruhi pembentukan jiwa dan akhlak penghuni yang berada dalamnya. Insan apabila hidup dalam sesuatu suasana, secara kebiasaannya suasana itu akan mempengaruhinya. Jika seseorang yang kurang bijak hidup di kalangan mereka yang bijak, maka sedikit sebanyak bicara dan pendapat yang bijak dan berkualiti itu akan tempias kepadanya.

Dalam penulisan al-Attas (1977) ada menyebut bahawa Mukadimah Ibn Khaldun mengkaji "persekitaran fizikal di mana manusia hidup untuk memahami bagaimana ia mempengaruhi dalam ciri-ciri fizikalnya." Beliau menerangkan perbezaan antara orang-orang yang berbeza, sama ada orang nomad atau bermastautin, termasuk adat dan institusi mereka, dari segi "habitat alam semula jadi, iklim, tanah, makanan, dan cara-cara yang berbeza di mana mereka terpaksa memenuhi keperluan mereka dan dapatkan hidup." Ini adalah pemergian dari teori-teori iklim yang dinyatakan oleh pengarang dari Hippocrates kepada Jean Bodin yang telah dicadangkan bahawa Ibn Khaldun mungkin mempunyai pengaruh terhadap teori Montesquieu melalui pengembara Jean Chardin, yang mengembara ke Persia dan menggambarkan teori yang menyerupai teori iklim Ibn Khaldun.

Pembentukan Konsep Iklim Dini

Konsep iklim dini terbentuk hasil dari gabungan semua teori-teori barat dan Islam untuk mendapatkan kesepadanan serta terhasilnya satu konsep yang jelas dan untuk diikuti oleh semua lapisan masyarakat. Konsep ini diharap boleh diguna pakai oleh semua jenis sekolah di Malaysia. Daripada pelbagai definisi tentang konsep iklim sekolah yang dibincangkan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa iklim sekolah merupakan apa yang dialami dan dirasai oleh setiap individu sekolah tersebut yang melibatkan faktor dalaman setiap individu termasuk hubungan antara pengetua dengan guru, guru dengan pelajar dan kakitangan sokongan. Semua perlakuan tersebut menggambarkan bagaimana ciri-ciri iklim sekolah tersebut terbentuk dengan berkesan. Oleh itu, hasil gabungan strategi dan pelaksanaan yang mantap dalam pembentukan iklim dini di sekolah mampu menentukan sebuah kejayaan atau kegagalan dalam sesebuah sekolah.

Kesimpulan

Secara konseptual nya, majoriti sarjana barat dan Islam berpendapat bahawa iklim dini yang baik dapat membentuk keseluruhan identiti pelajar dari segi pencapaian akademik dan sahsiah pelajar. Terdapat pelbagai kelebihan dan kebaikan berkaitan strategi dan pelaksanaan yang digunakan dalam membentuk iklim dini yang seimbang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, strategi dan pelaksanaannya perlulah dirancang dengan rapi dan dijalankan dengan lebih serius oleh semua pihak terutamanya di sekolah menengah agama memandangkan sekolah agama merupakan contoh teladan kepada pelajar sekolah menengah aliran biasa dalam setiap aspek. Segala kekangan dalam pelaksanaannya sama ada dari segi latihan guru, kemudahan peralatan, infrastruktur, sokongan, dan sebagainya perlu di atasi segera. Ini adalah penting supaya pelaksanaan iklim dini di sekolah menengah agama dapat mencapai matlamat pendidikan sekolah agama selari dengan falsafah pendidikan Islam serta berjaya menghasilkan generasi Muslim yang cemerlang dari aspek akademik mahu pun sahsiah yang mulia. Justeru satu kajian yang bertajuk 'Penilaian Strategi dan Pelaksanaan Iklim Dini di Sekolah' perlu dijalankan bagi menilai suasana iklim dini di setiap sekolah agama yang berbeza. Diharap kajian ini dapat menyumbang dapatan secara literatur yang jelas dan padat agar proses penambahbaikan dapat diteruskan dan dilakukan dari masa ke semasa.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri (2010). "Penilaian Pelajar-Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia" Dalam Persidangan Serantau Pendidikan Islam 2010, 1- 12.
- Al-Attas S.M.N (1977). The Concept of Education in Islam. In First World Conference on Muslim Education, 1-19.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: UKM.
- Badruzaman Baharom. (2006). Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian, Johor.
- Bear, G. G., Yang, C., Pell, M., & Gaskins, C. (2014). Validation of a brief measure of teachers' perceptions of school climate: relations to student achievement and suspensions. *Learning Environments Research*, 339-354.
- Campbell, R. F., Corbally J. E., & Nystrand R. O. (1983). Introduction to educational administration. USA.
- Cohen, J., McCabe, E. M., & Michelli, N. M. (2009). School Climate: Research, Policy, Practice, and Teacher Education. *Teachers College Record*, 111(1), 180-213.
- Dellar, G. B. (1999). School climate, school improvement and site-based management, (1963), 353-367.
- Everard, K. & Morris, G (1990). *Effective School Management*. London, Paul Chapman Publishing.
- Garret, B. (1990). *Creating A Learning Organization*. Cambridge: Director Books.
- George J., & Bishop L. (1971). Relationship of Organizational Structure and Teacher Personality Characteristics to Organizational Climate. *Administrative Science Quarterly*. Vol. 16, 467-476.
- Getzels, J. W., & Guba E. G. (1970). Social behavior and the administrative process, selected readings on general supervision, The Macmillan Company, London.
- Ghazali Darusalam. (1997). *Dinamika ilmu akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Gu Saw Lan. (2014). The Relationship Between Instructional Leadership Behavior, School Climate and Teacher Efficacy in Secondary Schools in Kedah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Hall D. T., Bowen D. D., Lewicki R. J., & Hall F. S. (1982). *Experiences in management and organizational behavior*. USA: John Wiley & Sons.
- Halpin, A. W. (1967). *Theory and research in administration*. New York: Macmillan.

- Halpin, A. W., & Croft D. B. (1963). *Organizational climate of schools*. Chicago: University of Chicago, Midwest Administration Center.
- Hoy W. K., Hofman J., Sabo D., & Bliss J. (1996). The organizational climate of middle schools: the development and test of the OCDQ-RM. *Journal of Educational Administration*. Vol.34, No.1, 41-59.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al Hadrami. 1993. *Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun, Abd Al-Rahman Bin Muhammad Khaldun Al-Hadrami (2002). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu khaldun, (1993) *Mukadimah Ibnu Khaldun*. Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Janzarli, Riyadh Salleh. 1991. *Al-Usul al-Islamiah li al-tarbiah*. Makkah: Umm al-Qura University Press.
- Kelly & Robert C. (2005). Relationships Between Measures of Leaderships and School Climate. *Journal of School Research and Information*, (1979), 1–7.
- Litwin G., & Stringer R. (1968). *Motivation and organizational climate*. Boston: Harvard Business School Research Press.
- MacNeil, A. J., Prater, D. L., & Busch, S. (2009). The effects of school culture and climate on student achievement, 12, 73–84. <https://doi.org/10.1080/13603120701576241>
- Mahi Din Sari. (1998). *Iklim Dini di Sekolah*. *Jurnal Dakwah* 1 (1): 33-47.
- Maxwell, T. W., & Ross Thomas, A. (1991). School Climate and School Culture. *Journal of Educational Administration*, 29(2). <https://doi.org/10.1108/09578239110003309>
- Norhannan Ramli. (2016). *Prestasi Guru Pendidikan Islam Berasaskan Daya Kekuatan Dalam, Kepimpinan Pengetua Dan Iklim Sekolah*.
- Norhisham Muhamad. (2015). *Biah Solehah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)*. UPSI.
- Norhisyam Mohammad. (2015). *Biah Solehah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*.
- Raihan Mohd Arifin & Abdul Hakim Abdullah (2016). *Pelaksanaan Iklim Dini dan Hubungannya Dengan Prestasi Sekolah*. *Proceeding Sosial Sains, UniSZA*.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit, Z. I. (2012). *Perkaitan Amalan Spiritual dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. *AJTLHE*, 4(2), 51–60.
- Schneider, B., Wheeler, J.K., & Cox, J.F. (1992). A passion for service: using content analysis to explicate service climate themes. *Journal of Applied Psychology* 77, 705–716.
- Sergiovanni T. S., & Robert J. Starratt. (1988). *Supervision: human perspectives*. New York: Mc Graw Hill.
- Spencer L. M., Pelote V., & Seymour P. (1998). A causal model and research paradigm for physicians as leaders of change. *New Medicine*, 2:57-64.
- Wang M.T., & Degol, J. L. (2016). *School Climate: A Review of the Construct, Measurement, and Impact on Student Outcomes*. *Educational Psychology Review*. *Educational Psychology Review*.
- Warren E. Gates (1967), "The Spread of Ibn Khaldun's Ideas on Climate and Culture", *Journal of the History of Ideas*, University of Pennsylvania Press, 28 (3): 415-422.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, N. Y. (2012). *Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri*. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155–172.